



Suhaimi Saidin (kanan) dan Saidin Ghazali membersihkan rumah sambil turut dibantu jirannya Hasiah Md Isa, berikutan hujan lebat yang menyebabkan banjir kilat di Kampung Batu Maung, Bayan Lepas.



Mohd Sani Harun mengangkat barangan untuk diselamatkan selepas rumahnya dinaiki air di Kepala Batas, semalam.



Banjir Pulau Pinang

- 120 rumah terjejas
- Banjir berlaku di Batu Maung,

Kepala Batas dan Bukit Mertajam
→ 10 pagi air surut sepenuhnya

Selepas 3 hari, Pulau Pinang bah lagi

➔ Banjir lumpur setinggi 0.4 meter jejas penduduk Batu Maung

Oleh Siti Sofia Md Nasir, Nur Izzati Mohamad dan Fatin Fazlina Yaakob
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas

Selepas tiga hari lega dari kejadian banjir kilat pada Sabtu lalu, keadaan itu sekali lagi melanda negeri ini, menyebabkan hampir 50 kediaman di Permatang Damar Laut, Batu Maung dinaiki air selepas hujan lebat melanda kawasan itu, awal pagi semalam.

Hujan lebat berterusan sejak jam 3 pagi itu menyebabkan rumah penduduk dimasuki air lumpur setinggi 0.4 meter, namun tiada penduduk dipindahkan dengan keadaan dilaporkan pulih sepenuhnya kira-kira jam 10 pagi.

Penduduk, Hasiah Md Isa, 58, berkata kawasan kampung berkenaan kerap dinaiki air berikutan kerja naik taraf Jalan Batu Maung sejak dua tahun lalu yang menyebabkan rumah penduduk menjadi rendah.

"Tahun ini sahaja sudah tiga kali rumah saya dinaiki air, walaupun tidak terlalu dalam, namun ia sangat menyusahkan. Setiap kali hujan, kami tidak boleh tidur lena kerana bimbang rumah dinaiki air."

"Selepas banjir paling buruk Julai lalu, kami terpaksa membina tembok di sekeliling rumah, namun banjir terus berlaku dan paling mengecewakan pihak berkuasa langsung tidak mahu membantu kami," dakwanya ketika ditemui BH di sini, semalam.

Difahamkan, penduduk sudah membuat aduan termasuk kepada Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Batu Maung dari PKR, Abdul Malik Abdul Kassim, namun mendakwa tiada tindakan susulan dibuat menyebabkan penduduk terus dibelenggu masalah berkenaan.

Ambil cuti kecemasan

Sementara itu, hujan lebat turut mengakibatkan lebih 40 kediaman di Kampung Lahar Ikan Mati, Kampung Datok dan Kampung Setol di Kepala Batas, terjejas selepas air dilaporkan naik sehingga 0.5 meter.

Penduduk, Jamaliah Wardio, 58, berkata rumahnya dinaiki air tiga kali minggu ini, menyebabkan dia terpaksa mengambil cuti kecemasan bagi membersihkan rumah yang dimasuki lumpur.

"Saya sudah letih membersihkan rumah kerana banjir lumpur kini boleh berlaku pada

bila-bila masa. Hendak memohon pelepasan daripada majikan juga semakin sukar kerana sudah tiga kali saya mengambil cuti kecemasan minggu ini.

"Lantai rumah ini sudah ditinggikan sejak beberapa tahun lalu. Tetapi keadaan tidak banyak berubah, malah semakin kerap pula rumah dimasuki air," katanya yang bekerja sebagai penyelia kilang.

Difahamkan, kawasan berkenaan berhadapan masalah banjir kilat akibat sistem perparitan yang tidak sempurna menyebabkan air hujan gagal dialirkan cepat ke parit utama lalu melimpah.

Sementara itu, banjir kilat turut dilaporkan berlaku di Kampung Manggis, Bukit Mertajam apabila 20 rumah dinaiki air selepas berlakunya limpahan air Sungai Junjung kira-kira jam 6 pagi.